

Rencana

Dari bom atom ke sukan Olimpik

UIAM

BERHUJAH

Oleh
Dzulkifli Abdul Razak

NEGARA Jepun kini dalam tatapan seluruh dunia melalui kaca televisyen masing-masing. Tarikannya adalah Sukan Olimpik 2020 yang bermula minggu lalu. Ini selepas ditangguh hampir setahun kerana serangan coronavirus yang melanda dunia.

Ramai berasa lega khususnya Jepun sendiri kerana pelbagai persediaan dan pelaburan yang dicurahkan dengan hasrat menjadi satu 'contoh' bagaimana sukan abad ke-21 dapat diurus melalui teknologi moden termasuk penggunaan robot serta kecerdasan buatan (AI).

Ini kali kedua Jepun menjadi tuan rumah dan dahulu ia adalah negara Asia pertama mendapat penghormatan tersebut pada 1964. Hampir 60 tahun kemudian, Jepun berpeluang lagi sungguhpun tiada siapa menduga Covid-19 akan turut bersama.

Anggota Jawatankuasa Olimpik Antarabangsa (IOC) cemas, apalagi rakyat Jepun yang khuatir akan wabak yang tiada sempadan ini akan terus meragut banyak lagi nyawa.

Maka ramai yang membantah dan mahukan sukan dunia itu dibatalkan. Tidak kurang menarik diri sebagai sukarelawan. Sambutan dunia pun agak dingin dan tidak menentu.

Apa pun, kerajaan Jepun terus yakin dan gigih untuk bukan sahaja melangsungkannya tetapi sekali gus menjayakannya. Beberapa langkah berwaspada dititikberatkan. Inilah yang sedang diamati sekarang melalui peti-peti televisyen di seluruh dunia.

Walaupun ramai yang tidak berkunjung ke negara matahari terbit itu, tetapi tidak kurang juga yang menyaksikannya secara maya. Tidak ubah seperti sukan itu sebelum ini kerana ramai yang tidak mampu ke



INI kali kedua Jepun menjadi tuan rumah sukan Olimpik dan dahulu ia merupakan negara Asia pertama mendapat penghormatan tersebut pada 1964. - AFP

negara berkenaan. Hanya kali ini lebih ramai lagi kerana hambatan penergerakan wabak tersebut.

Apa pun, persaingan antara para olahragawan dan olahragawati terus bersemarak dengan terpecahnya beberapa rekod dunia. Atau yang memperbaharui pencapaian peribadi masing-masing. Sudah tentu ada juga yang mengalami kesugulan emosi atau tekanan perasaan akibat persaingan sengit ditambah pula dengan rasukan coronavirus. Keseluruhan perlumbaan berlangsung dengan meriah dan tenang sahaja setelah sekian hari berlangsung tanpa cacat cela ketara.

Malah esok, 6 Ogos adalah satu lagi hari bersejarah bagi Jepun serta rakyatnya. Pada 8.15 pagi 1945, bom atom pertama dalam sejarah dunia dilepaskan ke atas sebuah negara merdeka dan membunuh puluhan ribu nyawa tidak berdosa dengan serta-merta tanpa diduga sama sekali.

KILAT

Angka kasarnya dianggarkan sekitar 70,000 serta ratusan ribu lain yang cedera dan menderita. Termasuklah seorang anak watan Malaysia, Abdul Razak Abdul Hamid yang sedang menceburi bidang pendidikan di Universiti Hiroshima ketika itu. Apabila bom atom diledakkan, dia sedang menghadiri kuliah matematik di universiti. Tiba-tiba diselubungi gelap-gelita, disusuli letupan yang amat kuat berserta pancaran seolah kilat yang boleh marabunkan penglihatan.

Abdul Razak sejeurus itu pengsan apabila bangunan kuliahnya runtuh dan dia terperangkap di bawah timbunan runtuh tersebut. Mujurlah dia terselamat tanpa apa-apa kesan akibat pertama berkenaan. Malah tiada apa-apa kesan radiasi daripada letupan bom itu mengesannya. "Suatu keajaiban Allah SWT," ujar Abdul Razak yang terus hidup sehingga berusia 88 tahun sebelum kembali ke rahmatullah pada 2013.

Apakah kaitan pengalaman

pengeboman Hiroshima ini dengan sukan Olimpik, khususnya buat kali pertama pada 1964 di Jepun? Allahyarham Abdul Razak menceritakan tentang perbualan bersama rakan Jepun perihal peristiwa pengeboman itu. Kata rakannya, "Razak-san, percayalah Jepun akan bangkit semula dalam masa 20 tahun nanti!"

Tahun 1964 adalah setahun kurang dari 20 tahun yang dimaklumkan.

Pada tahun itu juga, sukan paralimpik diadakan, juga di Tokyo. Dari segi teknologi pula, ia adalah kali pertama pancaran antarabangsa secara langsung digunakan melalui satelit tanpa menggunakan pita rakaman seperti sebelumnya. Begitu juga dari segi siaran warna domestik serta luar negara. Keretapi pantas (*Shinkansen*) Jepun pertama juga diperkenalkan sempena sukan 1964 bersama pengangkutan komputer lain.

Apa yang sebenar diperlihatkan adalah keazaman serta disiplin diri yang tinggi masyarakatnya

turun temurun sehinggalah edisi Sukan Olimpik 2020 kali ini. Satu lagi sejarah ialah sebagai negara Asia yang menjadi tuan rumah buat kedua kalinya. Dua kali juga untuk sukan musim sejuk di Sapporo 1972 dan Nagano 1998.

Apatah lagi kali ini berkesanggupan dan kesediaan mengharungi wab Covid-19 yang telah menelan jutaan nyawa di seluruh dunia dengan megahnya. Tidak banyak negara lain yang boleh berbuat sedemikian jik pun ada!

Selang dua hari lagi apabila tirai sukan gergasi ini dilabuhkan, negara matahari terbit itu akan terus menyinari alam semesta dengan segala kecekalan yang wajar dicontohi, khususnya Malaysia yang lebih satu generasi mengikut dasar Pandang ke Timur.

PROFESOR Emeritus Tan Sri Dzulkifli Abdul Razak ialah Rektor Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIAM)